



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MORE AGRICULTURE PRODUCTS TO EXPORT TO CHINA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 WE COULD SOON SEE POPULAR MALAYSIAN STREET FOOD 'INVADE' THAI TOURIST HOT SPOTS, NEWS, ROJAK DAILY -10 UP CLOSE, NEWS, THE STAR -1 NELAYAN SEOLAH-OLAH MENCURURI, NEGERI, SINAR HARIAN -38	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5.	DAFTAR TERNAKAN ELAK PENYAKIT BERJANGKIT, NEGERI, SINAR HARIAN -38	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	15 TAN METRIK DURIAN DILELONG BULAN DEPAN, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9.	GAGAL SELUDUP ANAK POKOK DARI THAILAND, NEGARA, KOSMO -7 PPM GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 788 ANAK POKOK, NASIONAL, BERITA HARIAN - 23 GAGAL SELUDUP MASUK BENIH POKOK THAILAND, SETEMPAT, HARIAN METRO -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10. 11. 12. 13. 14.	DUGAAN CILI 20 SEN, SETEMPAT, HARIAN METRO -20 INI KES KALI KESEMBILAN, SETEMPAT, HARIAN METRO -3 MARITIM TAHAN LIMA NELAYAN VIETNAM, RAMPAS 500KG TIMUN LAUT, NEGARA, KOSMO -3 TAK PEDULI HARGA SAYUR TURUN, NAIK, NASIONAL, BERITA HARIAN-21 PNKB BAKAL MILIKI DUA BOT BERNILAI RM2 JUTA, NEGARI, SINAR HARIAN -37	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	More agricultural products to export to China		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	02 Jul 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	732 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,623



屈冬玉掌联合国粮农 市场更开放

更多农产品将出口中国

(昔加末 1 日讯) 农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，随着中国农业农村部副部长屈冬玉任职为联合国粮食及农业组织新任总干事，相信未来会有更多我国农产品能

出口到中国市场。

他说，随着屈冬玉的任命，中国在向其他国家开放农业市场上将扮演更重要角色，这点对我国而言非常重要。



屈冬玉

“如今我国的黄梨、猫山王榴梿和燕窝皆成功出口到中国市场，菠萝蜜未来也将紧随在后。”

沙拉胡丁昨天巡视多元生态农园 (Agro Mix Farm) 并主持推介仪式时强调，政府鼓励农民推行多元生态概念，例如在椰子园内种植其他经济农作物如黄梨、黄姜、香料或饲养禽畜等，以增加收入。

他透露，我国农民早种植椰子后，将全部砍伐转种橡胶，再全部砍伐种植油棕。如今科技进步，经济农作物种类繁多，只要农作物带来丰富收



沙拉胡丁 (左二) 在众人陪同下，巡视奶牛养殖场。

入，农民可加强种植。

下月商都市种植计划

“位于昔加末武吉达纳美拉的多元生态农园，首阶段有 11 名企业家参与，占地 50 英

亩，希望未来发展成生态旅游景点，拟定旅游配套。”

沙拉胡丁指出，他将于 8 月与房屋及地方政府部探讨推行都市排种和天台种植计划，以善用空间种植，进而减少我

国对进口食品的依赖。

“若要在巴刹、消拯局、警局、公寓种植，需要房政部批准，农业部无法独立操作，唯有与其他部门合作才能获益。”

Headline	We Could Soon See Popular Malaysian Street Food 'Invade'Thai Tourist Hot Spots		
MediaTitle	Rojak Daily (http://www.rojakdaily.com/)		
Date	02 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

We Could Soon See Popular Malaysian Street Food 'Invade'Thai Tourist Hot Spots

Imagine going to Thailand and finding some of our local favourites such as nasi lemak, murtabak and apam balik. You'll definitely won't feel homesick anymore, right?
Well, your wish may come true soon. The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry i...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Up close		
MediaTitle	The Star (Metro South and East)		
Date	02 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,900
Page No	1	Readership	59,700
Language	English	ArticleSize	650 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,365



Up close

Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub (second from right) visiting the deer enclosure at Agromix Farm in Kampung Bukit Tanah Merah, Segamat, Johor. Besides animals, the farm grows pineapples, pomelo and durians. — Bernama

'Nelayan seolah-olah mencuri'

**Sanggup
bersembunyi di
kawasan hutan
paya bakau**

NORAZURA MD AMIN

PONTIAN

Nelayan yang tidak mempunyai lesen sanggup menyorok di kawasan hutan paya bakau bagi mengelakkan di-tahan pihak berkuasa ter-utama di perairan Tanjung Piai.

Ahli Lembaga Persatu-an Nelayan Kawasan (PNK) Johor Selatan, Yaacob Mohd Said, 61, berka-ta, isu ketiadaan lesen memabitkan kira-kira 50

nelayan tidak boleh dipan-dang remeh.

Menurutnya, desakan hidup menyebabkan me-reka berani mengambil ri-siko menangkap ikan tanpa lesen.

"Meraka seperti men-curi kerana tiada lesen te-tapi tetap turun ke laut untuk menyara keluarga," katanya ketika diminta mengulas mengenai hasil perbincangan Ahli Parli-men Tanjung Piai, Datuk Dr Md Farid Md Rafik ber-sama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani minggu lepas mengenai lesen nelayan.

Yaacob juga menyam-but baik perolehan RM3 juta yang disalurkan Ke-menterian Hal Ehwal Eko-nomi bagi menambah baik



Isu lesen perlu diselesaikan segera bagi membolehkan nelayan mencari rezeki.

jeti di Parlimen Tanjung Piai.

Menurutnya, Parlimen Tanjung Piai mempunyai 16 pangkalan nelayan dan mereka menyambut baik

projek naik taraf jeti di se-tiap pangkalan kerana ba-nyak yang rosak.

Yaacob turut menca-dangkan supaya kerajaan meningkatkan sektor pe-



YACOB

lancongan yang boleh menjadi sumber pendapat-an tambahan nelayan yang kini hanya bergantung ke-pada tangkapan ikan dan udang.

"Padlimen Tanjung Piai mempunyai banyak kawa-san hutan paya bakau dan perairan yang cantik kerana berada di sempadan yang dikongsi Indonesia dan Singapura.

info

Isu lesen kira-kira 50 nelayan di Tanjung Piai belum selesai

"Bantuan bot pelan-cong dan bimbingan kepa-da nelayan antara yang boleh membantu memu-lakan aktiviti pelancongan di sini," katanya.

Sementara itu, Dr Md Farid yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut membim-bangkan bantuan sara li-dup nelayan serta kaedah terbaik meningkatkan eko-nomi nelayan.

"Perbincangan bersa-ma LKIM akan mengenal pasti inisiatif bagi menjana ekonomi nelayan pada masa depan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	SINAR HARIAN	NEGERI	38

Daftar ternakan elak penyakit berjangkit

MACHANG - Program pendaftaran tanda pengenalan haiwan bakal diperkenalkan bagi memudahkan penternak dan memastikan haiwan tersebut bebas penyakit.

Ketua Jajahan Machang, Ibrahim Bakri Mat Deris berkata, program itu dapat mengawal penyakit berjangkit ekonomi dan zoonotik dengan pergerakan dipantau secara efisien selain menangani pertikaian hak milik ternakan terbabit.

“Tanda pengenalan ini melibatkan semua haiwan ternakan termasuk lembu, kerbau, kambing dan biri-biri yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula di Labok dalam masa terdekat,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Majlis Sambutan Aidilfitri Peringkat Jajahan Machang di Pejabat Tanah dan Jajahan Machang.

Beliau menjelaskan, pihaknya melalui penghulu akan bekerjasama dengan Jabatan Veterinar bagi menjayakan program yang akan berlangsung secara berperingkat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	KOSMO	NEGARA	15



SEBANYAK 15 tan metrik durian akan dijual pada program Jualan Anak Beranak 2.0 di Jalan Hilliran, Kuala Terengganu pada awal bulan depan.
- Gambar hiasan

15 tan metrik durian dilelong bulan depan

KUALA TERENGGANU - Penggemar durian terutama di sekitar bandar raya ini berpeluang untuk menikmati raja buah tersebut dengan harga murah menerusi penganjuran Jualan Anak Beranak 2.0 anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada awal bulan depan.

Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, program yang bakal diadakan di pekarangan pejabat FAMA negeri, Jalan Hilliran di sini itu merupakan kesinambungan penganjuran yang julung-julung kali pada tahun lalu yang mendapat sambutan luar biasa.

Beliau berkata, berdasarkan pengalaman penganjuran sulung tersebut, sebanyak 16 tan metrik durian pelbagai gred habis dijual dalam tempoh dua jam sahaja.

"FAMA berancang untuk menganjurkan lagi Jualan Anak Beranak ini bagi membolehkan peminat durian di negeri ini menikmati durian pelbagai gred pada harga lebih murah daripada pasaran.

"Walaupun kebanyakan durian di pasaran kini berharga lebih RM10 sekilo, kami akan menjual pada harga lebih murah daripada itu bergantung kepada bekalan," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri peringkat FAMA Terengganu di sini semalam.

Fauzi berkata, kebanyakan durian yang akan dijual tersebut diperolehi sendiri FAMA daripada pengusaha durian tempatan di sekitar Besut dan Setiu serta negeri jiran, Kelantan yang dijangka mula luruh pada bulan ini.

Fauzi berkata, pihaknya menjangkakan lambakan sekurang-kurangnya 15 tan metrik durian bakal dijual pada program sehari berkenaan.

Menurut beliau, program jualan durian itu dijangka diadakan pada minggu pertama Ogos depan memandangkan kebanyakan durian di dusun milik pengusaha tempatan berkenaan hanya akan mula luruh pada pertengahan bulan ini.

"Selain durian, pelbagai buah tempatan lain seperti rambutan, manggis dan dokong turut dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram pada Jualan Anak Beranak 2.0 terbabit," katanya.

Gagal seludup anak pokok dari Thailand

LANGKAWI - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu Langkawi berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk pelbagai jenis anak pokok yang diseludup masuk dari Thailand di pesisiran Pantai Tanjung Rhu di sini kelmarin.

Dalam operasi Op Landai kira-kira pukul 9 pagi itu, sepasukan anggota PPM bertindak menghampiri lori tiga tan sebelum menemui sebuah bot pelancong berwarna putih dengan muatan anak pokok.

Komandernya, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, dua lelaki tempatan dan seorang warga Thailand ditemui di lokasi kejadian bersama sejumlah benih pokok di dalam bot berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut menemui sebanyak 615 anak pokok getah, durian (157), kedondong (10) dan dokong (6) yang dibawa masuk dari Thailand dengan cara tidak diwartakan," katanya dalam satu



PPM Wilayah Satu Langkawi menemui sebuah bot dipenuhi muatan anak pokok yang disyaki diseludup masuk dari Thailand di pesisiran Pantai Tanjung Rhu kelmarin.

kenyataan di sini semalam.

Katanya, kesemua tangkapan berusia 38 hingga 62 tahun dan rampasan dibawa ke Pengkalan PPM Wilayah Satu di Bukit Malut di sini untuk siasatan lanjut.

"Kes diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuaran-

tin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)," ujarnya.

Maqis bertindak memastikan antaranya tumbuhan, haiwan dan makanan yang diimport tidak menjejaskan sektor pertanian serta mematuhi aspek kesihatan selain keselamatan makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	23



Lori yang sarut dengan muatan anak pokok dari Thailand dirampas PPM di Pesisir Pantai Tanjung Rhu, Langkawi.

[FOTO IHSAN PPM]

PPM gagalkan cubaan seludup 788 anak pokok

Tiga lelaki ditahan dengan nilai rampasan dianggarkan RM70,000

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 1 Langkawi mematahkan cubaan menyeludup masuk 788 anak pokok getah, durian, kedondong dan do-kong dari Thailand dengan keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai lebih RM70,000 kelmarin.

Turut dirampas dalam Ops Landai Bil 51/2019 pada kira-kira

Jam 9 pagi itu ialah sebuah lori dan bot enjin sangkut di pesisir Pantai Tanjung Rhu, di sini.

Pegawai Pemerintah PPM Langkawi, Deputy Superintendan Rohizan Mohamad Saaid, berkata tiga lelaki berusia antara 38 hingga 62 tahun turut ditahan dalam operasi itu hasil risikan dan aduan awam mengenai kegiatan penyeludupan benih pokok.

"Terdahulu, anggota PPM yang menyertai Ops Landai dan dibantu sepasukan anggota menaiki bot ronda RH53 yang menyertai Ops Gelora Bil 38/2019, mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan.

"Turut dikesan bot enjin sangkut yang sarut dengan muatan tumbuhan dipercayai cuba diseludup dari Thailand ke negara ini," katanya dalam satu kenya-

Dua suspek yang ditahan adalah warga tempatan dan seorang warga Thailand dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori serta bot dianggarkan RM71,100.

Rohizan Mohamad Saaid,
Pegawai Pemerintah
PPM Langkawi

taan, di sini, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu menemui 615 anak pokok getah, durian (157), kedondong (10) dan dokong (enam) tanpa sebarang dokumen sah.

"Dua suspek ditahan adalah warga tempatan dan seorang warga Thailand dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori serta bot kira-kira RM71,100.

"Ketiga-tiga suspek dan barangan rampasan dibawa ke Pangkalan PPM di Bukit Malut, di sini, sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	20



BOT enjin sangkut bersama muatan anak pokok dari Thailand dirampas di Pesisir Pantai Tanjung Rhu, Langkawi.

Gagal diseludup masuk benih pokok Thailand

Langkawi: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 1 Langkawi menahan tiga lelaki dan merampas anak pokok getah, duriian, kedondong dan dokong dari Thailand bernilai RM71,100 yang cuba diseludup ke negara ini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 pagi, anggota PPM yang menyertai Op Landai Bil 51/2019 turut merampas lori dan bot enjin sangkut di pesisiran Pantai Tanjung Rhu, di sini.

Pegawal Pemerintah Polis Marin Langkawi Deputy Superintendan Rohizan Mohamad Saaid berkata, penahanan lelaki berusia antara 38 hingga 62 tahun itu dibuat hasil risikan dan aduan awam mengenai kes penyedupan benih pokok dengan cara tidak diwartakan.

"Terdahulu, anggota PPM yang menyertai Op Landai dibantu sepasukan anggota menaiki bot ronda RH53 yang menyertai Op Gelora Bil 38/2019 mengesan sebuah lori berada dalam keadaan mencurigakan.

"Turut dikesan sebuah bot enjin sangkut sarat muatan tumbuhan dipercayai cuba diseludup dari Thailand ke negara ini," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.



Dua suspek warga tempatan manakala seorang warga Thailand dan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori serta bot dianggarkan RM71,100"

Rohizan Mohamad Saaid

Rohizan berkata, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu menemui 615 anak pokok getah, duriian (157), kedondong (10) dan dokong (enam) yang tidak mempunyai dokumen sah.

"Dua suspek warga tempatan manakala seorang warga Thailand dan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori serta bot dianggarkan RM71,100.

"Ketiga-tiga suspek dan barangan rampasan dibawa ke Pangkalan PPM di Bukit Malut, di sini, sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



LORI dengan muatan anak pokok dari Thailand disita.

2/7/2019

HARIAN METRO

SETEMPAT

20

Dugaan cili 20 sen

Kuantan: Pemah berdepan dengan kejatuhan harga ti-dun serendah 20 sen se-kilogram tidak pernah me-lemahkan semangat Mohd Al Hafiz Azran Dzulkefli, 27, untuk terus mengusahakan projek tanaman sayur di ka-wasan Taman Kekal Penge-luaran Makanan (TKPM) In-derapura, di sini.

Pemegang Diploma Reka-bentuk Industri Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bharu itu berkata, minat menda-lam kepada pertanian men-dorong dia menceburi projek tanaman sayur itu sejak lima tahun lalu walaupun sen-tiasa berhadapan pelbagai cabaran dan dugaan.

"Cabaran terbesar terpak-sa dihadapi ialah apabila harga sayur jatuh hingga menyebabkan kerugian ma-lah pernah berlaku harga borong timun serendah RM0.20 sekilogram, namun saya tetap menjualnya.

"Risiko kejatuhan harga timun secara melampau se-ting berlaku ketika musim menuai dan ia menghantui



MOHD AL HAFIZ Azran Dzulkefli memeriksa cili merah yang ditanam di Taman Kekal Penge-luaran Makanan Inderapura.

pekebun sayur seperti saya, faktor lambakan sayur ber-kenaan menyebabkan kea-daan ina berlaku," katanya, di sini, semalam.

Dia yang menetap di Ta-man Seri Inderapura berka-ta, pada masa tertentu ta-naman timun mampu

memberi pulangan me-nguntungkan apabila dijual dengan harga antara RM2 hingga RM3.50 sekilogram.

Katanya, dia kini mengu-sabakan tanaman sayur menggunakan teknik ferti-gasi di kawasan setuas lebih tiga hektar dan antara sayur yang ditanam adalah cili, pe-ria, petola, terung dan ka-cang panjang.

Mohd Al Hafiz Azran ber-kata, serangga penyakit dan serangga perosak menjadi ancaman tanaman sayur yang akan menyebabkan

kerugian jika langkah sewa-jarnya tidak diambil.

"Pendapatan sebagai pe-kebun sayur tidak menentu ia bergantung kepada harga pasaran sayur berkenaan..ji-ka harga tinggi maka pen-dapatan akan bertambah begitu juga sebaliknya.

"Saya pernah meraih pen-dapatan RM40,000 semusin membabitkan beberapa je-nis tanaman," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	3

'Ini kes kali kesembilan'

■ 4 awak-awak, tekong warga Vietnam ditahan kaut hasil balat secara haram

Fardy Bungga
fardy@hmetro.com.my

Kudat

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kudat sekali lagi berjaya menamatkan cubaan sebuah bot nelayan asing mengaut hasil balat secara haram di perairan negara ini.

Bot nelayan dari negara Vietnam itu ditahan di kedudukan 18 Baru Nautika Timur Laut, Pulau Sibongor Laut pada jam 10 pagi, kelmarin.

Timbalan Pengarah Operasi APMM Kudat, Leftenan Maritim Musa Daif berkata, ketika ditahan, bot berkenaan didapati tidak mempunyai sebarang dokumen pendaftaran bot.

Katanya, empat awak-awak dan tekong yang semuanya warga negara Vietnam berusia lingkungan 29 hingga 39 tahun turut didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Ini adalah kes kali kesembilan membabitkan nelayan warga asing menangkap balat di perairan Kudat tahun ini.

"Bot yang ditahan ini juga didapati menggunakan peralatan yang diharamkan.

"Mereka menggunakan peralatan yang boleh merosakkan hidupan laut terutamanya terumbu karang," katanya dalam kenyataan media yang dikeluarkan semalam.

Musa berkata, hasil penahanan ini, pihak APMM berjaya merampas 500 kilogram balat dan keseluruhan rampasan termasuk bot dlanggarkan bernilai RM600,000.

Musa berkata, bot nelayan bersama anak kapal yang ditahan kemudian diiring balik ke jeti Sabah Port Kudat untuk stasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi



LAPORAN Harian Metro, 22 Jun 2019



PERALATAN khas penggembur dasar laut untuk mengaut hasil balat.



MELAWAN warga Vietnam yang ditahan.



BOT yang ditahan nelayan warga Vietnam yang ditahan APMM Kudat.

1959/63," katanya.

Sementara itu, Musa memberitahu balat adalah sejenis hidupan laut unik yang dianggap makanan mewah dan berkhasiat di sesetengah negara.

Katanya, Sabah yang sememangnya kaya dengan hasil balat sentiasa menjadi perhatian penggemar seluruh dunia berikutan permintaan tinggi dalam dan luar negara.

"Ini adalah salah satu faktor yang menarik nelayan asing datang mengaut hasil balat di negara secara haram.

"Sehubungan itu, orang awam terutamanya komuniti laut supaya bekerjasama dengan pihak penguatkuasa dalam membanteras kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang di perairan negara ini," katanya.

Musa berkata, orang awam juga diminta menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Kudat di talian 088-611858, sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung kejadian atau sebarang jenayah di perairan negara.

Maritim tahan lima nelayan Vietnam, rampas 500kg timun laut

KOTA KINABALU - Maritim Malaysia (APMM) Zon Kudat menahan sebuah bot nelayan Vietnam bersama lima kru bot yang disyaki menangkap balat atau timun laut secara haram di perairan negara ini berhampiran Pulau Sibongor Laut di Kudat dekat sini kelmarin.

Timbalan Pengarah Operasi Zon Maritim Kudat, Leftenan Maritim Musa Dail berkata, bot nelayan itu ditahan pada pukul 10 pagi dan hasil pemeriksaan mendapati bot terbabit tidak mempunyai sebarang dokumen pendaftaran.

Belian berkata, lima kru bot termasuk tekong warganegara Vietnam berusia antara 29 dan 39 tahun turut tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.



INILAH contoh timun laut yang terdapat di perairan Sabah. - Gambar Hiasan

Menurutnya, nilai rampasan bot dan balat dianggarkan sebanyak RM600,000 dan kuantiti balat yang dirampas dianggarkan sebe-

rat 500 kilogram.

"Ini merupakan kes kesembilan melibatkan tangkapan nelayan asing menangkap balat di perairan Kudat pada tahun ini. Bot ini juga didapati menggunakan peralatan yang dirahankan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Musa berkata, perairan Sabah yang sememangnya kaya dengan balat serta permintaan dalam dan luar negara yang tinggi merupakan antara faktor yang menarik nelayan asing mengaut hasil negara secara haram.

Balat atau timun laut dipercayai mempunyai khasiat untuk menguatkan tulang dan mengekalkan kesihatan badan dengan harga pasaran mampu mencecah RM1,000 sekilogram.



LIMA nelayan Vietnam yang ditahan kerana menangkap balat atau timun laut secara haram di perairan Pulau Sibongor Laut, Kudat kelmarin.

2/7/2019

BERITA
HARIAN

21

Tak peduli harga sayur turun, naik

Pekebun muda guna teknik fertigasi di TKPM Inderapura tingkat produktiviti

Oleh Mohd Rafi Mamat
b1news@bt.com.my

Kuantan: Kejatuhan harga timun serendah RM0.20 sekilog ram tidak pernah melampaukannya semangat Mohd Al Hafiz Azran Denulkefi, 27, untuk terus mengusahakan projek tanaman sayur di kawasan Taman Kekal Penguatran Makanan (TKPM) Inderapura, di sini.

Minat mendalam terhadap pertanian, pemegang Diploma Reka Bentuk Industri dari Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Baharu, Johor, itu tidak menacuri projek tanaman sayur itu sejak lima tahun lalu, walaupun sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan.

"Cabaran terbesar terpaksa dihadapi adalah apabila harga sayur jatuh hingga menyebabkan kerugian, malah pernah berlaku harga borong timun serendah RM0.20 sekilogram, namun saya tetap menjualnya.

"Risiko kejatuhan harga timun secara melampau sering berlaku ketika musim monsun dan ia mengantarai pekebun sayur seperti saya. Faktor lambakan sayur bernezam menyebabkan kesedaran itu berlaku," katanya di sini, semalam.

Mohd Al Hafiz Azran yang menetap di Taman Seri Inderapura, di sini, berkata pada masa tertentu tanaman timun mampu memberi pulangan menguntungkan apabila dijual antara RM2 hingga RM3.50 sekilogram.

Beliau berkata, dia kini menggunakan tanaman sayur menggunakan teknik fertigasi di kawasan seluas lebih tiga hektar dan cili, peria, petola, terung dan kacang panjang antara sayur ditanamnya.

Katanya, serangan penyakit dan serangga perosak menjadi ancaman tanaman sayur yang akan menyebabkan kerugian jika bang-



Mohd Al Hafiz Azran memungut cili merah yang ditanam di TKPM Inderapura, Kuantan. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

kah sewajarnya tidak diambil. "Pendapatan sebagai pekubun sayur tidak menentu, ia bergantung kepada harga pasaran sayur berkenaan. Jika harga tinggi maka pendapatan akan bertambah, begitu juga sebaliknya.

membabitkan beberapa jenis tanaman," katanya yang turut mempunyai dua pekerja untuk menguruskan tiga kawasan tanaman di TKPM Inderapura.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2019	SINAR HARIAN	NEGERI	37

PNKB bakal miliki dua bot bernilai RM2 juta

KUALA BESUT - Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PNKB) bakal memiliki dua bot nelayan bernilai RM2 juta yang dijangka beroperasi awal tahun depan.

Pengerusinya, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, kedua-duanya adalah bot nelayan kelas C iaitu sebuah bot pukat jerut dan bubu.

Menurutnya, bot pukat jerut masih dalam pembinaan di Pulau Rusa, Kuala Terengganu manakala bot bubu dijangka beroperasi pada Januari tahun depan.

"Bot pukat jerut akan mengambil tempoh pembinaan lebih lama dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun

depan," katanya semalam.

Tengku Harun berkata, pemilikan tersebut menjadikan PNKB sebagai persatuan nelayan pertama di negeri ini mempunyai bot nelayan sendiri.

Menurutnya, aset tersebut bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada nelayan tempatan tetapi dapat menjana pendapatan kepada persatuan.

"Kita juga yakin bot ini dapat memberi kemudahan kepada ramai ahli.

"Kita dapat pinjaman tanpa faedah daripada kerajaan dan berharap lebih banyak manfaat dapat diperolehi persatuan selepas ini," katanya.



Tengku Harun (duduk, tengah) bersama ahli PNKB dan kakitangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PNKB semalam.